



26 Julai 2019
26 July 2019
P.U. (A) 208

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN MINERAL (PENYATA PERANGKAAN) 2019

MINERAL DEVELOPMENT (STATISTICAL RETURNS) REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN MINERAL 1994

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN MINERAL
(PENYATA PERANGKAAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 63(2)(f) Akta Pembangunan Mineral 1994 [*Akta 525*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Penyata Perangkaan) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 5 Ogos 2019.

Kewajipan untuk mengemukakan penyata perangkaan

2. Pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong atau pengurus hendaklah mengemukakan penyata perangkaan bulanan kepada Penolong Pengarah dalam masa sepuluh hari selepas berakhir tiap-tiap bulan kalendar.

Maklumat penyata perangkaan

3. (1) Penyata perangkaan bulanan yang disebut dalam peraturan 2 hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

(a) jenis mineral, bijih mineral dan hasil sampingan perlombongan yang dikeluarkan;

(b) kuantiti buangan;

(c) nilai, kuantiti dan gred mineral, bijih mineral dan hasil sampingan perlombongan yang dijual;

- (d) pembeli mineral, bijih mineral dan hasil sampingan perlombongan;
- (e) kuantiti stok mineral, bijih mineral dan hasil sampingan perlombongan;
- (f) royalti yang dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri;
- (g) kuantiti penggunaan tenaga;
- (h) kuantiti penggunaan tenaga kerja;
- (i) jenis dan kuantiti ejen bahan letupan dan ledakan yang digunakan di dalam kawasan perlombongan, jika berkenaan;
- (j) keputusan pemantauan efluen lombong, jika berkenaan;
- (k) keputusan pemantauan gegaran dan ledakan udara, jika berkenaan;
- (l) keputusan pemantauan pengalihudaraan lombong, jika berkenaan; dan
- (m) pelaburan yang dibuat semasa aktiviti perlombongan, jika berkenaan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Penolong Pengarah boleh menghendaki pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong atau pengurus untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang difikirkannya perlu dengan menyampaikan suatu notis bertulis kepada pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong atau pengurus itu.

(3) Pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong atau pengurus yang telah disampaikan dengan notis di bawah subperaturan (2) hendaklah memberikan apa-apa maklumat yang dalam milikan atau kawalannya kepada

Penolong Pengarah dalam masa dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu.

Kesalahan

4. Mana-mana pemegang lesen melombong tuan punya atau pajakan melombong atau pengurus yang tidak mematuhi peraturan 2 atau 3 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Dibuat 11 Julai 2019
[NRE(S)604-5/1; PN(PU2)597/V]

DR. XAVIER JAYAKUMAR
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

MINERAL DEVELOPMENT ACT 1994

MINERAL DEVELOPMENT (STATISTICAL RETURNS) REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraph 63(2)(f) of the Mineral Development Act 1994 [*Act 525*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Mineral Development (Statistical Returns) Regulations 2019**.

(2) These Regulations come into operation on 5 August 2019.

Duty to submit statistical returns

2. A holder of a proprietary mining licence or mining lease or a manager shall submit a monthly statistical return to the Assistant Director within ten days after the end of every calendar month.

Statistical return information

3. (1) The monthly statistical return referred to in regulation 2 shall consist of the following information:

(a) the type of minerals, mineral ores and by-products of mining produced;

(b) the quantity of waste;

(c) the value, quantity and grade of minerals, mineral ores and by-products of mining sold;

(d) the purchaser of minerals, mineral ores and by-products of mining;

- (e)* the quantity of stock of minerals, mineral ores and by-products of mining;
- (f)* the royalty paid to the State Authority;
- (g)* the quantity of energy consumption;
- (h)* the quantity of utilization of work-force;
- (i)* the type and quantity of explosive and blasting agents used in mining areas, where applicable;
- (j)* the mine effluent monitoring results, where applicable;
- (k)* the vibration and air blast monitoring results, where applicable;
- (l)* the mine ventilation monitoring results, where applicable; and
- (m)* the investment made during mining activity, where applicable.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Assistant Director may require the holder of a proprietary mining licence or mining lease or the manager to provide any other information as he considers necessary by serving a written notice to the holder of a proprietary mining licence or mining lease or the manager.

(3) The holder of a proprietary mining licence or mining lease or the manager who has been served with a notice under subregulation (2) shall furnish any information in his possession or control to the Assistant Director within the time and in the manner specified in the notice.

Offence

4. Any holder of a proprietary mining licence or mining lease or any manager who fails to comply with regulation 2 or 3 commits an offence and shall on conviction,

be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

Made 11 July 2019
[NRE(S)604-5/1; PN(PU2)597/V]

DR. XAVIER JAYAKUMAR
Minister of Water, Land and Natural Resources